

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains

**PENGARUH KEFUNGSIAN KELUARGA DAN TINGKAH LAKU IBU  
BAPA TERHADAP TINGKAH LAKU DELINKUEN REMAJA: SATU  
KAJIAN PERSEPSI**

**SYAHIRA BINTI YUSOFF**

**2021**

**Penyelia Utama : Dr Kamarul Md Shah, PhD**

**Fakulti : Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Pembangunan Sosial**

Tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja merupakan salah satu tingkah laku yang dilihat sebagai terkeluar dari batas-batas norma manusia. Tingkah laku delinkuen ini sukar untuk diterima masyarakat umum kerana keadaan ini melibatkan agama, sosial dan budaya. Kajian ini bertujuan mengkaji tentang pengaruh kefungsiian keluarga dan tingkah laku ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuen remaja serta mengenalpasti dan mengetahui dengan lebih jelas tentang kefungsiian keluarga dan tingkah laku ibu bapa yang berlaku dalam persekitaran keluarga remaja yang mempunyai tingkah laku delinkuen. Sampel kajian melibatkan Sekolah Tunas Bakti dan asrama akhlak di Negeri Terengganu, Melaka, Kedah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Seramai 194 orang remaja perempuan dari institusi tersebut dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik *family adaptability and cohesion evaluation scale (FACES IV)*, soal selidik *Parental Behaviour Inventory (PBI)* dan soal selidik kekerapan tingkah laku delinkuen. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan diantara kefungsiian keluarga dan tingkah laku ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuen remaja. Hasil analisis regrasi pula mendapati pemboleh ubah kefungsiian keluarga merupakan faktor penyumbang dominan terhadap tingkah laku delinkuen remaja diikuti dengan tingkah laku ibu bapa. Rumusan daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kefungsiian keluarga sangat penting dan memainkan peranan utama dalam mencegah masalah tingkah laku

delinkuen. Cadangan penyelidikan untuk pengkaji pada masa akan datang ialah menggunakan responden remaja perempuan bertingkah laku delinkuen di seluruh Malaysia dan menggunakan kaedah kajian kualitatif.